

♥01/02/15-29MST

CNS4909

U GB 01-02 00156 BH827

Bah

Mahathir - Bantuan

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan bahawa Malaysia akan memberi bantuan kepada mangsa peperangan di Teluk tanpa mengira pihak mereka.

Sebagai permulaan, kerajaan telah meluluskan peruntukan \$100,000 bagi Jordan, yang kini menghadapi masalah pelarian akibat daripada perang itu, kata Perdana Menteri.

+Kita akan bantu semua mangsa perang (Teluk). Kita tidak akan memihak kepada sesiapa, sama ada Iraq, Arab Saudi ataupun Kuwait,+ katanya kepada pemberita selepas melawat Taman Burung, Tasik Perdana di sini.

+Sesiapa saja yang menjadi mangsa perang, kita sanggup tolong,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bantuan akan diberikan ke Jordan terlebih dahulu kerana ramai mangsa perang lari ke negara itu.

Selain daripada bantuan kewangan, kerajaan juga akan menimbang bantuan makanan dan ubat sekiranya perlu, katanya.

Beliau juga menyeru supaya orang ramai turut menyumbang bagi bantuan berkenaan. -- Bernama

♥01/02/15-29MST